

**SOALAN NO: 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN**

**SOALAN:**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) statistik terkini setakat Jun 2014 jumlah lepasan graduan yang masih menganggur di Malaysia ; dan
- (b) apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi membendung masalah pengangguran dalam kalangan lepasan graduan ini.

**PR-1322-T62099**

**Jawapan:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua,

Bagi suku keempat tahun 2013, jumlah graduan yang masih menganggur di Malaysia adalah seramai 106,000 orang atau 23.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penganggur sebanyak 448,400 orang. Seramai 52,200 orang iaitu 49.2 peratus adalah berkelulusan Diploma dan 53,800 orang atau 50.8 peratus adalah berkelulusan Ijazah.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja menyediakan platform bagi membantu graduan yang masih menganggur untuk mendapat peluang pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P). Sehingga 14 Februari 2014, seramai 108,095 orang pencari kerja telah dibantu mendapatkan pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, 24,453 orang (22.6%) adalah golongan siswazah. Pencapaian aktiviti-aktiviti di bawah Program Penempatan Pekerjaan (3P) adalah seperti Jadual 1.

**Jadual 1: Pencapaian Program Penempatan Pekerjaan (3P) Serta Bilangan Siswazah Dan Bukan Siswazah Yang Berjaya Ditempatkan Sehingga 14 Februari 2014**

Bil	Program	Penempatan		Jumlah	%
		Siswazah	Bukan Siswazah		
1.	Portal JobsMalaysia	1,722	14,682	16,404	15.2
2.	Karnival Pekerjaan	5,818	8,311	14,129	13.1
3.	Penempatan Dengan Kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta (APS)	649	575	1224	1.1
4.	Temuduga Terbuka	2,138	10,619	12,757	11.8
5.	<i>Night Carrier Fair (NCF)</i>	2,588	2,812	5,400	5.0
6.	<i>Holiday Placement For Students (HOPS)</i>	130	2,480	2,610	2.4
7.	Penempatan Melalui <i>Client Account</i>	8,525	28,693	37,218	34.4
8.	Penempatan Melalui Agensi Lain	1,547	4,588	6,135	5.7
9.	<i>Employability Programme</i>	622	720	1,342	1.2
10.	Penempatan Separa Masa	504	5,583	6087	5.6
11.	Program Khas	210	4,579	4,789	4.4
Jumlah		24,453	83,642	108,095	100%

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan telah menyediakan satu perkhidmatan pencarian dan pemadanan pekerjaan (*jobs matching*) secara atas talian di portal JobsMalaysia di bawah kawal selia KSM.
  
4. Untuk makluman Dewan yang mulia, langkah-langkah alternatif KSM dalam membendung masalah ini adalah dengan memberikan kerjasama kepada pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam melaksanakan Program *Finishing School*. Program *Finishing School* merupakan satu program untuk memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sebenar.